

Kerja tidak akan memendekkan umur...

ORANG Jepun adalah menikmati jengkal hidup (life expectancy) yang paling panjang di dunia, mengikut angka-angka yang dikeluarkan di Tokyo. Secara purata, seseorang Jepun lelaki boleh hidup 73 tahun, sementara Jepun wanita 78 tahun. Di hujung tahun 1980 terdapat di negeri Jepun lebih dari 1,000 orang berumur 100 tahun ke atas.

Orang yang tertua sekali di Jepun ialah seorang lelaki yang tinggal di Kagoshima (Jyushu), yang akan menyambut harijadinya yang ke 117 bulan Jun ini.

Menurut banci kebangsaan yang dijalankan dalam tahun 1980, negeri Jepun mempunyai lebih dari 10 juta penduduk (atau lebih dari 10 peratus jumlah penduduknya) yang berumur lebih dari 65 tahun.

Umur orang Jepun secara purata dalam tahun 1947 cuma 50 tahun dan angka ini dijangka akan meningkat kepada 80 tahun dalam tahun 2000. (Dipetik dari Times of India Januari 5, 1982).

Komen Penulis:

Dengan kebetulan, orang-orang Jepun adalah jua termashyur sebagai orang yang paling rajin dan kuat kerja di dunia ini — tanpa mengira sama ada mereka itu pekerja di Pejabat ataupun di kilang. Maka mesej yang boleh dipetik dari cerita dikisahkan tadi ialah — kerja kuat tidak akan memendekkan umur seseorang.

Oleh itu para pembaca yang mahu panjang umur janganlah teragak-agak menyahut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya rakyat di negara ini bekerja kuat dan rajin seperti orang Jepun ataupun orang Korea — demi kemajuan dan kemakmuran negara.

Sebaliknya, penulis seringkali terbaca rencana-rencana yang ditulis oleh pakar-pakar di bidang perubatan bahawa orang yang malas bekerja, yakni yang suka menghabiskan masa di tempat tidur atau di kedai kopi, akan menjadi gemuk. Dan bila badan udah menjadi terlalu gemuk, jantung akan disaluti oleh lemak yang tebal dan keadaan seperti ini tidak akan memajukan umur...., tambah pakar-pakar yang sama.

Catitan Khas:

Bercakup mengenal orang gemuk, dengarlah cerita ini pula:

Rodney Denton, 18 tahun, dengan megah menunjukkan kepada para pemberita sebuah saiz 52 yang di satu ketika dipakainya, yakni sebelum dia kehilangan berat badan lebih dari

60 kg dengan mematuhi "diet" rikaan sendiri yang memerlukan cuma 500 kalori setiap hari.

Denton, penduduk California, berkata bahawa apa yang sebenar menguruskan badannya ialah kepercayaan, kepada Tuhan. Tambahnya, "The Devil" (hantu) telah mengemukakan badan saya dan Tuhan menolong saya membuang sebahagian besar dari lemak di badan saya". Pada bulan November, berat badan Denton ialah 145 kg dan ukuran pinggangnya 86cm.

Dia mula gemuk dari kecil lagi dan setelah mendengar melalui T.V. bulan Mei lalu syarahan Billy Graham (pengembang agama yang terkenal di Amerika), Denton membuat keputusan untuk memohon kepada Tuhan supaya menguruskan badannya.

Denton (yang berat badannya cuma 80 kg di hari ini) bercadang memasuki sekolah tinggi dan bila mendapat kerja setelah tamat nanti dia akan berkhidmat kepada Tuhan. (Dipetik dari sebuah akhbar luar negeri Januari 12, 1982 di bawah tajuk, "Rodney's faith helped him slim").

No. Siri	2297
No. Penerimaan	41/85